



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Bagi Membelanjakan  
Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran  
Perbelanjaan Pembangunan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PENGURUSAN PINJAMAN .....</b>	<b>2</b>
<b>PA 1.1 Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Bidang Kuasa Pegawai Pengawal.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Bidang Kuasa Perbendaharaan .....</b>	<b>3</b>

## PENGURUSAN PINJAMAN

### PA 1.1 Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

#### 1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan bagi membelanjakan peruntukan pinjaman yang telah disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan.
- 1.2 Perbelanjaan peruntukan pinjaman hendaklah melibatkan proses kelulusan, pengeluaran, membayar balik pinjaman dan pengawalan ke atas projek-projek yang dibiayai dengan pinjaman.
- 1.3 Proses tersebut melibatkan tanggungjawab Pegawai Pengawal yang dinyatakan secara terperinci dalam para 2.
- 1.4 Peminjam adalah Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

#### 2. Bidang Kuasa Pegawai Pengawal

- 2.1 Pegawai Pengawal selaku pemilik projek (*project owner*) yang menerima permohonan pinjaman, bertanggungjawab menimbang kedayahidupan (*viability*) dan produktiviti projek sebelum mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE). Ini termasuk mengkaji prestasi bayaran balik pinjaman bagi agensi yang sedang dan pernah menerima pinjaman.
- 2.2 Seterusnya, UPE akan mempertimbang dan meluluskan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia serta menentukan siling peruntukan (termasuk komponen pinjaman).
- 2.3 Setelah menerima peruntukan pinjaman oleh Bahagian Belanjawan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan secara tahunan, Pegawai Pengawal hendaklah memperakukan permohonan pinjaman-pinjaman dari agensi-agensinya kepada Perbendaharaan untuk kelulusan.
- 2.4 Permohonan untuk mendapatkan kelulusan pinjaman hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pinjaman

Kerajaan Persekutuan. Untuk mengelakkan kelewatan pemprosesan pinjaman dan pelaksanaan projek, semua permohonan bagi pinjaman baharu/tambahan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 31hb. Mac setiap tahun. Permohonan lewat dari tarikh ini mungkin **tidak akan dipertimbangkan**.

2.5 Selepas pinjaman diluluskan, Pegawai Pengawal hendaklah:

2.5.1 Mengawal pelaksanaan dan kemajuan fizikal projek;

2.5.2 Membuat perakuan kepada Perbendaharaan untuk pengeluaran wang pinjaman tertakluk kepada Perjanjian Pinjaman;

2.5.3 Mengawal perbelanjaan projek-projek;

2.5.4 Melaksanakan lawatan tapak bagi projek-projek berbentuk fizikal;

2.5.5 Mengemukakan kepada Perbendaharaan laporan kemajuan projek seperti yang dikehendaki dalam Perjanjian Pinjaman; dan

2.5.6 Memastikan agensi peminjam membayar balik pinjaman mengikut Jadual Bayaran Balik (JBB) pinjaman.

### 3. Bidang Kuasa Perbendaharaan

3.1 Perbendaharaan berkuasa ke atas perkara-perkara berikut:-

3.1.1 Mempertimbangkan permohonan pinjaman dari peminjam dengan menilai daya maju projek-projek;

3.1.2 Meluluskan permohonan pinjaman. Bagi projek-projek baharu yang diberi peruntukan akan dinilai semula oleh Perbendaharaan apabila ianya hendak dilaksanakan pada tahun semasa;

3.1.3 Menentukan syarat-syarat pinjaman;

3.1.4 Menyediakan dan menandatangani Perjanjian Pinjaman sebagai pemberi pinjam;

3.1.5 Mengawal pengeluaran pinjaman iaitu dengan mempertimbangkan permohonan pengeluaran wang pinjaman. Semua pengeluaran peruntukan bagi projek baru

atau sambungan hanya akan dibuat selepas Perjanjian Pinjaman ditandatangani;

- 3.1.6 Permohonan hendaklah dibuat untuk mengeluarkan pinjaman dengan menyertakan laporan kemajuan projek tersebut. Permohonan ini hendaklah menggunakan format yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;
- 3.1.7 Mendapatkan bayaran balik pinjaman dari peminjam; dan
- 3.1.8 Kuasa-kuasa lain Perbendaharaan sebagai pemberi pinjam yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pinjaman.